



# buletin Selangangku Sayang

DITERBITKAN OLEH  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG  
NASKAH PERCUMA

EDISI  
SEPT - DIS 2022  
03/2022

## GUA DAMAI

GUA DAMAI, KG WIRA DAMAI,  
BATU CAVES, SELANGOR

11 SEPTEMBER 2022



# KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI



**04**  
Anugerah Bandar  
Mampan Terbaik 2022



**12**  
Program 25 Ribu Pokok



**14**  
Karnival Ekstrem Gua  
Damai 2022



@mpselayang

WWW.MPS.GOV.MY

# DARI MEJA YDP

BIL 3/2022 Sept - Dis



## SIDANG REDAKSI

### PENASIHAT

YBRs. Tuan Mohd Yazid bin Sairi  
ydp@mps.gov.my

YBRs. Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman  
tydp@mps.gov.my

### KETUA PENGARANG

En. Mohamad Zin bin Masoad  
mzin.masoad@mps.gov.my

### PENOLONG KETUA PENGARANG

En. Ahmad Fauzi bin Ishak  
ahmadfauzi.ishak@mps.gov.my

### PENGARANG

Cik Nurul Awanis binti Muridan  
nurulawanis@mps.gov.my  
Pn. Norhatikah Nabila binti Masri  
norhatikahnabila.masri@mps.gov.my  
Pn. Norhasliza binti Hassan  
norhasliza.hassan@mps.gov.my

### PEREKA LETAK

En. Mohd Afzairis bin Naseri  
mafzairis.naseri@mps.gov.my

### JURUFOTO

Pn. Anissapinah binti Mohd Dan  
anissapinah.mohddan@mps.gov.my  
En. Mohamad Khairun bin Roslan  
mkhairun.roslan@mps.gov.my

### DITERBITKAN OLEH

Jabatan Korporat  
Majlis Perbandaran Selayang

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini. Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

### Jabatan Korporat

Majlis Perbandaran Selayang  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang  
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

No. Tel: 03 6126 5800 No. Faks: 03 6138 2728

E-mel: aduanmps@mps.gov.my

Talian Bebas Tol: 1800-222-677

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua dapat kita mengharungi tahun 2022 dengan lancar dan jayanya. Tahun 2022 merupakan tahun yang penting kerana MPS telah menyambut ulang tahun yang ke-25.

Antara peristiwa penting sempena 25 tahun MPS sepanjang tahun 2022 ialah Majlis Pelancaran Logo Sambutan 25 Tahun MPS, Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat, Program Karnival Ekstrem Gua Damai, Pertandingan Fotografi dan Video Pendek, Program Cabutan Bertuah MyMPS, Pertandingan Battle of The Band dan Program Tanam 25 Ribu Pokok.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program-program sempena sambutan 25 tahun MPS.

Pelbagai cabaran, onak dan duri telah sama-sama kita harungi demi untuk merealisasikan pelaksanaan program-program tersebut. Saya berharap momentum kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun 2023 akan datang.

Saya percaya bahawa, kejayaan-kejayaan yang dicapai sepanjang tahun 2022 adalah hasil kerja keras, pengorbanan dan dedikasi tinggi oleh warga MPS. Ketahuilah bahawa saya amat berbangga dengan anda semua. Syabas dan terima kasih saya ucapkan!



**(YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI)**

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

**TAHNIAH DATO' YANG DIPERTUA**



**Tahniah**

**YBHG. DATO' MOHD YAZID BIN SAIRI, D.S.I.S., S.I.S.**  
 YANG DIPERTUA  
 MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

ATAS PENGANUGERAHAN  
**DARJAH KEBESARAN**  
**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH (D.S.I.S.)**  
 YANG MEMBAWA GELARAN

**DATO'**  
 SEMPERNA  
**ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN**  
**DYMM SULTAN SELANGOR YANG KE-77**  
**SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**  
**IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN**  
**ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

Ikhlas Daripada  
 Timbalan Yang Dipertua  
 Ahli-Ahli Majlis dan Warga Kerja  
 Majlis Perbandaran Selayang




**SEKALUNG** tahniah buat YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang atas penganugerahan Darjah Kebesaran Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) yang membawa gelaran Dato' sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj yang ke-77.

Penghargaan ini sebagai tanda pengiktirafan atas khidmat bakti dan jasa yang telah disumbangkan oleh beliau kepada bandar Selayang khususnya dan negeri Selangor amnya.

Seluruh warga MPS merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi di atas penganugerahan ini.

## SETULUS BUDI KENANGAN ABADI

PADA 30 November 2022, Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan sebagai tanda ingatan kepada Puan Rusni binti Abdullah@Long, Pengarah Jabatan Bangunan MPS. Beliau mula berkhidmat di MPS pada 1 April 1998 dan bersara pilihan pada 1 Disember 2022.

Majlis turut dihadiri Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS, Ahli-ahli Majlis dan Pengarah-pengarah MPS.

Warga MPS merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas segala jasa, tenaga dan bakti yang dicurahkan sepanjang 24 tahun berkhidmat di MPS.



## SELYANG BANDAR MAMPAN TERBAIK 2022

MAJLIS Perbandaran Selayang telah berjaya merangkul Tempat Pertama Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2022 (Kategori Perbandaran) sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Sambutan telah diadakan pada 8 November 2022 bertempat di Hotel Marriot, Putrajaya dan dirasmikan oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

HPBS diadakan bertujuan untuk meraikan dan menghargai peranan perancang bandar dalam perancangan dan pembangunan khususnya ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan pembentukan masyarakat yang sejahtera. Semoga MPS kekal menjadi bandar yang mampan, progresif dan sejahtera.



## ANUGERAH KEJIRANAN HIJAU TAHUN 2022

SYABAS dan setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Garden 8 Taman Perwira, Gombak kerana telah memperoleh kejayaan menjadi pemenang tempat pertama bagi kategori Komuniti Perumahan Bertanah dan merangkul Anugerah Khas Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan bagi Anugerah Kejiranan Hijau Tahun 2022. Semoga kehijauan Garden 8 terus dikekalkan dan semangat kejiranan yang utuh ini menjadi inspirasi kepada semua komuniti di Perbandaran Selayang.



INOVASI

### SESI PEMBUKAAN DAN PENGAUDITAN AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015

**SESI** pembukaan dan pengauditan Audit Dalam MS ISO 9001:2015 bagi tahun 2022 telah berlangsung bermula 3 hingga 6 Oktober 2022 bertempat di Bilik Anggerik, Menara MPS. Sesi pembukaan audit dalam ini telah disempurnakan oleh YBr. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS melibatkan jabatan dalam MPS.

Puan Rohimah Nur binti Mohd Shariffuddin bertindak selaku Ketua Audit Dalam bagi persediaan dokumentasi ISO sebelum Audit Pemantauan ke-2 yang dijangka akan berlangsung pada 9 hingga 11 November 2022 oleh pasukan penilai dari SIRIM QAS INTERNATIONAL.



### AUDIT PEMANTAUAN MS ISO 9001:2015

**AUDIT** Pemantauan MS ISO 9001:2015 telah diadakan pada 9 hingga 11 November 2022. Mesyuarat pembukaan audit telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS.

Sesi pengauditan ini diketuai oleh Encik Mohd Nasir bin Zainuddin selaku Ketua Audit dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. bersama-sama 2 orang auditor iaitu Encik Zulkifli bin Abdullah dan Encik Wan Khairul Anuar bin Wan Ali. Sesi pengauditan ini dijalankan bagi memastikan prosedur kerja dipatuhi dan mengikut piawaian yang ditetapkan.



## MAJLIS KOLABORASI STRATEGIK PEMERKASAAN PENDIGITALAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SELANGOR

**MAJLIS** Kolaborasi Strategik Pemerksaan Pendigitalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor anjuran Majlis Perbandaran Klang dengan kerjasama Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah diadakan pada 29 November 2022 bertempat di Premiere Hotel, Klang. Majlis perasmian ini telah disertai oleh 12 PBT Negeri Selangor dan setiap PBT telah menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan sebagai inisiatif pendigitalan dalam sektor awam yang akan diguna pakai sehingga tahun 2025.

Pada majlis ini, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah menandatangani dan menerima sijil persetujuan kolaborasi strategik pendigitalan PBT Negeri Selangor bersama MAMPU yang telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Yusof bin Ismail, Ketua Pengarah MAMPU. Turut hadir sama YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



## SIDANG KEMUNCAK PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR (SIBS 2022)

**MPS** telah menyertai Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS 2022) yang telah berlangsung selama 4 hari bermula 6 hingga 9 Oktober 2022.

Selangor telah berkenan merasmikan SIBS 2022 yang diadakan secara fizikal di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan juga secara maya.

Information Technology and Digital Economy Corporation (SIDEK) ini bertujuan untuk membuka peluang kepada pemain industri tempatan dan antarabangsa bersidang untuk meneroka potensi pasaran ASEAN.

DYTM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda

Persidangan anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Selangor



## KUNJUNGAN HORMAT DARI PLANMALAYSIA@SELANGOR

MPS telah menerima kunjungan hormat daripada PLANMalaysia@Selangor pada 29 November 2022 yang diketuai oleh Tuan TPr Khairulzaman bin Ibrahim selaku Pengarahnya. Sesi ini diadakan bagi mengeratkan kerjasama strategik antara MPS dengan PLANMalaysia@Selangor.



## KERJASAMA STRATEGIK ANTARA MPS DAN TNB

PIHAK Tenaga Nasional Berhad (TNB) Selangor dan Kuala Lumpur telah mengadakan kunjungan ke MPS pada 7 Disember 2022. Kunjungan ini diketuai oleh YBrs. Tuan Ir. Ts. Ahmad Rezahan bin Mohamad, Pengurus Besar TNB (Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Cyberjaya) bagi perbincangan dan perkongsian berhubung aspek keselamatan selain memperkukuh hubungan jalinan kerjasama antara MPS dan TNB.



## MBI MELIHAT PENDIGITALAN BIL CUKAI TAKSIRAN MPS

MAJLIS Bandaraya Ipoh (MBI) melalui Pengarah Perbendaharaan, Encik Mohd Syazlan bin Mohd Isa Suffian bersama-sama 40 orang kakitangan Jabatan Perbendaharaan telah datang ke MPS pada 8 September 2022. Lawatan ini diadakan untuk melihat tindakan promosi dan hebahan pendigitalan bil digital cukai taksiran dan tindakan MPS dalam penguatkuasaan cukai taksiran selepas tempoh pandemik Covid-19. Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS.



## PERTUKARAN MAKLUMAT ANTARA MPS DENGAN MPSPK SERTA MPLBP

SERAMAI 15 orang kakitangan Majlis Perbandaran Sungai Petani (MPSPK) dan tiga orang kakitangan Majlis Perbandaran Langkawi (MPLBP) telah mengadakan lawatan ke MPS pada 7 Oktober 2022. Deligasi ini diwakili oleh YBrs. Puan Noorhuda binti Mohammed Ali, Setiausaha MPSPK dan YBrs. Puan Harzanin binti Harun, Akauntan MPLBP. Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS telah menyampaikan maklumat mengenai proses pelaksanaan bil digital cukai taksiran dan penggunaan aplikasi myMPS.



## INISIATIF SARINGAN KESIHATAN KEBANGSAAN 2022

**KEMENTERIAN** Kesihatan Malaysia melalui Pejabat Kesihatan Daerah Gombak telah menganjurkan Program Inisiatif Saringan Kesihatan Kebangsaan 2022 kepada kakitangan MPS pada 28 dan 29 September 2022 bertempat di Lobi Menara MPS.

Sepanjang dua hari, kakitangan MPS telah diberi peluang untuk menjalankan saringan kesihatan mengikut kategori yang telah ditetapkan iaitu berumur 40 tahun ke atas, tidak mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi dan masalah kolestrol serta tidak pernah menjalankan saringan dalam tempoh tiga tahun.



## ANDA BAYAR ANDA MENANG

**TAHNIAH** diucapkan kepada 53 pemenang Cabutan Bertuah MyMPS yang telah berlangsung pada 29 November 2022 di Dewan Keraian, Menara MPS.

Wang tunai sehingga RM50,000 telah dimenangi oleh para pemenang bertuah bagi menghargai pembayar cukai MPS yang telah mendaftar dan membuat bayaran melalui portal MyMPS.



## PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI MPS TAHUN 2022

**SATU** taklimat berkaitan tanggungjawab penyelia terhadap kewajipan pengawalan dan pengawasan tatatertib ke atas pekerja bawahannya telah diadakan pada 27 September 2022 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS bersempena Program Pengukuhan Integriti MPS Tahun 2022.

Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Ilyani binti Md Razak, Ketua Penolong Pengarah Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam melibatkan pegawai-pegawai kumpulan A dan B MPS.



Turut serta dalam membuat cabutan ialah Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS; Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS; Tuan Amir Fazlee bin Khalid dan Tuan Wan Anwar bin Wan Ibrahim selaku Ketua WHIP Ahli Majlis MPS serta Tuan Haji Muhammad Najmi bin Samsudin, Ahli Majlis MPS.





## RASULULLAH S.A.W. SEBAGAI USWATUN HASANAH

**SAMBUTAN** Maulidur Rasul peringkat MPS 1444H anjuran ANULAE MPS dengan kerjasama KSDK MPS telah diadakan pada 14 Oktober 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. Majlis ini dihadiri oleh Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS bersama-sama Ahli-ahli Majlis, Puan Ruzaini binti Sohot, Pengerusi ANULAE MPS, pengarah-pengarah jabatan dan warga kerja MPS.

Majlis dimulakan dengan persembahan nasyid oleh Kumpulan Itayah dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS. Kemudian al-Fadil Ustaz Che Amran bin Md Yusoff menyampaikan bicara ilmu bertajuk "Kekasih Kiriman Tuhan". Majlis diakhiri dengan alunan qasidah dan selawat nabi oleh para pelajar dari Maahad Tahfiz Watarbiyah, Kuang, Selangor.



## SAYANGI KUCING JALANAN

**PROGRAM** Kucing Angkat – Sayangi Kucing Jalanan buat kali kedua telah diadakan pada 27 Oktober 2022 bertempat di Lobi Menara MPS. MPS meneruskan inisiatif kepada kucing-kucing jalanan yang ditangkap untuk mendapatkan rumah baharu. Sebanyak 19 ekor kucing telah diambil untuk dipelihara dan diberikan kasih sayang yang secukupnya.

Turut hadir ialah pihak NGO dan wakil Kelab Abu Hurairah Universiti Islam Malaysia (UIAM) iaitu Profesor Madya Dr. Norsaremah binti Salleh dan Puan Zarinah Jan binti Yusof Khan selaku Pegawai Khas Timbalan Rektor UIAM.



## PELANCARAN BUKU PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH & BUKU PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

**BAGI** mengukuhkan agenda integriti, MPS telah melancarkan dua buah buku iaitu Buku Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) dan Buku Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) MPS dalam Majlis Perhimpunan Bulanan MPS pada 17 Oktober 2022 bertempat di Lobi Menara MPS.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YBhg TPj. Dato' Haji Alias bin Salim,

Ketua Pesuruhjaya SPRM Negeri Selangor. Majlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) oleh Ahli-ahli Majlis dan kakitangan MPS diketuai oleh YDP MPS sambil disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM Negeri Selangor.

Pada majlis ini, YDP turut menyerahkan sumbangan dermasiswa sumbangan ANULAE cawangan MPS dan ANULAE Semenanjung Malaysia kepada anak-anak

kakitangan MPS yang cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021.

ANULAE MPS dan Kelab Sukan dan Kebajikan MPS juga turut menyampaikan sumbangan wang tunai dan bantuan keperluan harian kepada 16 orang kakitangan berketurunan India sempena sambutan Deepavali.



# MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH BAGI PERTANDINGAN FOTOGRAFI DAN VIDEO PENDEK SEMPERA 25 TAHUN MPS

MPS mengucapkan tahniah kepada 16 pemenang yang telah berjaya dalam Pertandingan Fotografi dan Video Pendek sempena 25 Tahun MPS. Penyampaian hadiah telah diadakan pada 29 November 2022 bertempat di Lobi Menara MPS.


Karya kreatif daripada pertandingan ini akan dipamerkan di Lobi Menara MPS selama 2 minggu bermula 29 November hingga

9 Disember 2022 dan seterusnya akan dijadikan bahan penerbitan dalam mempromosikan kawasan pentadbiran Selangor.

Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS. Turut hadir ialah Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha merangkap Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPS, Ahli-ahli Majlis serta para pengarah MPS.



Tempat Pertama



Tempat Kedua



Tempat Ketiga



## Pemenang Fotografi:

- Pertama:  
Leong Chee Wai
- Kedua:  
Leong Chee Wai
- Ketiga:  
Tan Ai Bee

## Pemenang Video Pendek:

- Pertama:  
Zon Hisham bin Zainal Abidin
- Kedua:  
Muhammad Izzat bin Zainuddin
- Ketiga:  
Ghandi Raaj a/I R. Viravale



Imbas kod QR untuk melihat gambar-gambar penyertaan pertandingan fotografi.



# Program TANAM 25 RIBU POKOK

**PROGRAM** Tanam 25 Ribu Pokok sempena Sambutan 25 Tahun Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan secara serentak di 24 Zon Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPS selain melibatkan pihak pemaju, agensi kerajaan, swasta, sekolah dan sukarelawan.

Majlis perasmian telah disempurnakan

oleh YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Haji Wan Mahmood bin Pa'Wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak pada 17 Disember 2022 bertempat di Central Park, Gamuda Gardens.

Program ini merupakan usaha MPS menyahut seruan Duli Yang Maha

Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bagi menanam 26 juta pokok di Negeri Selangor menjelang tahun 2026.

Pelbagai aktiviti sampingan lain turut diadakan kepada pengunjung dan yang hadir ke Central Park, Gamuda Gardens seperti acara sukaneka dan sukan rakyat.





# KARNIVAL EKSTREM GUA DAMAI

**MAJLIS** Perbandaran Selayang (MPS) dengan kerjasama dan sokongan daripada Tourism Selangor serta Tourism Malaysia telah menganjurkan Karnival Ekstrem Gua Damai sempena sambutan ulang tahun ke-25 MPS pada 10 dan 11 September 2022 di Gua Damai Ekstrem Park.

Karnival ekstrem yang berlangsung dengan sangat meriah ini menampilkan acara utama BASE jump yang membabitkan seramai 14 peserta dari

lima negara iaitu Malaysia, Indonesia, Australia, Amerika Syarikat dan Afrika Selatan.

Majlis perasmian karnival telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Selain sukan BASE jump oleh penerjun profesional, pelbagai sukan ekstrem seperti rock climbing, slackline, jumaring, roller blade, flying fox, tree climbing, paint

ball dan abseiling turut disediakan. Lebih 3000 pengunjung telah hadir sepanjang dua hari program berlangsung.

MPS berharap program seperti ini dapat menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan aktif selain menyokong usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam mempromosikan lokasi pelancongan sukan ekstrem di Negeri Selangor kepada orang ramai.





## PENGEDARAN NOTIS PENYEDIAAN TONG SAMPAH DI SELAYANG BARU

**NOTIS** Penyediaan Tong Sampah telah diedarkan oleh MPS di Selayang Baru kepada semua penduduk, pemilik premis perniagaan dan penyewa premis di sekitar Jalan 9 dan Jalan 19A, Selayang Baru pada 3 November 2022. Edaran notis dilakukan berikutan lambakan sisa sampah daripada premis di sekitar kawasan tersebut selepas penutupan pusat tong oleh Jabatan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS.

Sebanyak 65 premis telah dimaklumkan bagi penyediaan tong sampah persendirian di hadapan premis kediaman masing-masing. Selain itu, notis ini juga bertujuan untuk memaklumkan penutupan pusat tong sampah di Jalan 11C, Selayang Baru pada 10 November 2022.



## HOTSPOT SAMPAH LONGGOK MELIBATKAN 3 LOKASI

**PENUTUPAN** dan pembersihan hotspot sampah longgok telah dijalankan oleh MPS dan KDEB Waste Management pada 10 dan 11 November 2022 melibatkan tiga lokasi iaitu Jalan Waterfall Rawang (Kg. Rajah), Lot Industri Kecil berdekatan Kg. Dato Lee Kim Sai, Rawang dan Batu 9, Jalan Lama Gombak.

Tindakan melibatkan kerja-kerja pembersihan longgokan sisa binaan, sisa campuran pukal, domestik, pemasangan papan tanda amaran dan penempatan dua unit tong MGB 660 liter bagi menjaga kawasan sekitar.



## OPERASI PEROBOHAN MELIBATKAN STRUKTUR SATU TELEKOMUNIKASI BERBENTUK LAMPU LIMPAAH DWI-FUNGSI

Operasi perobohan melibatkan struktur satu telekomunikasi berbentuk lampu limpah dwi-fungsi berketinggian 24 meter telah dijalankan pada 29 September 2022 di Lot 48969 IWK GBK006, Taman Ehsan.

Pembinaannya dibuat tanpa sebarang kelulusan daripada MPS. Sehubungan dengan itu, tindakan perobohan telah dilaksanakan selaras dengan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (AKTA 133).



## PENJAJA WARGA ASING DI PASAR BORONG SELAYANG DIBANTERAS

Operasi membanteras penjaja warga asing tambah telah dibanteras oleh MPS pada 28 September 2022 di sekitar Pasar Borong Selayang.

Dalam operasi ini, sebanyak 35 bakul pelbagai jenis sayur-sayuran dan lima bakul buah-buahan milik penjaja warga asing telah disita di bawah Seksyen 46 (1) d, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan meletak dan menyebabkan halangan barang-barang perniagaan di tempat awam.

MPS akan terus membuat pemantauan dan menjalankan operasi bersepadu dari semasa ke semasa bagi menangani isu peniaga warga asing ini.



## AKTIVITI PEMBAKARAN TERBUKA DIPANTAU OLEH UNIT PENGUATKUASAAN ALAM SEKITAR ZON RAWANG

Unit Penguatkuasaan Alam Sekitar Zon Rawang telah melakukan Operasi Pemantauan Aktiviti Pembakaran Terbuka pada 7 November 2022 bertempat di Kampung Desa Aman, Kepong. Operasi ini dibuat berikutan aduan yang diterima berkenaan pembakaran terbuka.

Hasil pemantauan mendapati tiada pembakaran yang dilakukan semasa operasi dijalankan namun terdapat kesan pembakaran terbuka oleh warganegara asing dan notis kacau ganggu telah diberikan. Hebahan suara untuk pemakluman mengenai larangan pembakaran juga telah dilakukan oleh pihak MPS.





PROGRAM LUARAN MPS

## MAJLIS PERASMIAN PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR (RKK) BATU ARANG 2030

**MAJLIS** Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Kawasan Khas Bandar (RKK) Batu Arang 2030 telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor pada 21 Oktober 2022 bertempat di Galeri Batu Arang.

Sebanyak 49 projek dicadangkan untuk dibangunkan melalui RKK Bandar Batu Arang 2030 berupa tindakan iaitu sebanyak 11 projek berimpak tinggi, 21 projek sokongan dan 17 projek *quick win*. Projek-projek ini merupakan projek yang strategik serta memberi impak jangka panjang kepada pembentukan dan pertumbuhan ekonomi di daerah Gombak.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor; YBrs. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; YBrs. Tuan TPr. Md Nazri bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah PlanMalaysia, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak; wakil-wakil jabatan kerajaan dan agensi; Ahli-ahli Majlis MPS; wakil penduduk dan barisan pengurusan MPS.



## PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH

Program Ceria Kembali Ke Sekolah telah diadakan di Pusat Pakaian Hari-Hari, Selayang Utama pada 24 November 2022.

Murid-murid ini telah menerima sumbangan berupa kelengkapan pakaian dan kasut sekolah bagi membantu meringankan beban serta meningkatkan motivasi untuk mereka meneruskan sesi persekolahan pada tahun 2023.

Program ini dihadiri oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS, Encik TPr. Affendei bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat bagi meraikan 300 orang murid yang kurang berkemampuan.



## PROGRAM KOMUNITI PENDIDIKAN

MPS dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Pejabat Pelajaran Daerah Gombak telah menganjurkan Program Komuniti Pendidikan pada 26 November 2022 bertempat di Dewan Wadi Budi UIAM. Program yang melibatkan 208 orang murid daripada 26 buah sekolah menengah di bawah pentadbiran MPS. Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS. Turut hadir sama YBrs. Encik Mohd Salmee bin Mohd Sari, Timbalan Pengarah, Bahagian Pembangunan Hal Ehwal Pelajar UIAM, YBrs. Professor Dr. Wan Rusli bin Wan Ahmad, Timbalan Dekan, Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Masyarakat Kuliyyah Pendidikan UIAM, YBrs. Puan Maizatul Hasniah binti Hasan, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran PPD Gombak, YBrs. Encik Affendei Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat dan YBrs. Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS.



## SAMBUTAN HARI SUNGAI SEDUNIA PERINGKAT DAERAH GOMBAK

**ACARA** Sambutan Hari Sungai Sedunia Peringkat Daerah Gombak telah diadakan pada 24 September 2022 di Dewan Bougainvillea, Kampung Sungai Kertas. Acara yang dirasmikan oleh Puan Norazlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak ini turut disertai oleh YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak, Tuan Mohd Sany bin Hamzan, ADUN Taman Templer, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Selangor Kawasan DUN Sungai Tua, Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS, Encik Mohd Hasrulhisham bin Abdullah, Pengarah JPS Gombak, Ahli Majlis MPS serta ketua-ketua Jabatan Daerah Gombak.



## PERTANDINGAN TANDAS BERSIH 2022

**MAJLIS** penyampaian hadiah bagi Pertandingan Tandas Bersih 2022 telah diadakan pada 17 Disember 2022 di Central Park, Gamuda Gardens. Pertandingan ini diadakan bersempena dengan Sambutan 25 Tahun MPS. Penganjuran pada tahun ini diperluaskan penyertaannya bagi kategori Tandas Sekolah Kerajaan dan Tandas Stesen Minyak.

### Pemenang Pertandingan Tandas Bersih Kategori Stesen Minyak

Tempat Pertama:  
**Stesen Minyak Jafni**  
(Stesen Minyak Petronas Jalan Besar, Selayang Baru)

Tempat Kedua:  
**Z Two H Enterprise**  
(Stesen Petronas Bandar Baru Selayang Fasa 2a)

Tempat Ketiga:  
**Mentari Mesah Enterprise**  
(Stesen Petronas Kuang)

### Pemenang Pertandingan Tandas Bersih Kategori Sekolah

Tempat Pertama:  
**Sekolah Kebangsaan Bukit Rawang Jaya**

Tempat Kedua:  
**Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bukit Darah, Sungai Buloh**

Tempat Ketiga:  
**Sekolah Kebangsaan Seri Kundang**



## MAJLIS PENUTUP KURSUS PENYELENGGARAAN POKOK AMENITI DAN ASPEK KESELAMATAN MENGGUNAKAN KAEDAH TERBAIK ARBORIKULTUR TAHUN 2022

**MAJLIS** Penutup Kursus Penyelenggaraan Pokok Ameniti dan Aspek Keselamatan Menggunakan Kaedah Terbaik Arborikultur Tahun 2022 telah diadakan pada 15 September 2022 di Templer Ballroom, Setia Eco Templer, Rawang.

Seramai 39 orang wakil kontraktor daripada pelbagai syarikat dan empat orang kakitangan Jabatan Landskap MPS telah menyertai kursus selama dua hari.

Objektif kursus adalah untuk memberi kesedaran dan pengetahuan teknikal berkaitan kerja-kerja penyelenggaraan pokok ameniti dan keperluan serta kepentingan aspek keselamatan semasa pelaksanaan kerja-kerja di tapak kepada semua kontraktor yang terlibat.

Majlis penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Turut hadir ialah Ahli Majlis MPS dan pengarah-pengarah Jabatan MPS.



## PROGRAM PENANAMAN POKOK SEMPERNA HARI HUTAN ANTARABANGSA PERINGKAT DAERAH GOMBAK

**PROGRAM** Penanaman Pokok sempena Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Daerah Gombak telah diadakan pada 24 September 2022 bertempat di Dewan Bougainvillea, Kampung Sungai Kertas.

Program yang dijalankan serentak di seluruh negeri Selangor melibatkan sembilan buah daerah ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibnu Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj, Raja Muda Selangor. Turut hadir pada program ini ialah Puan Nor Azlina binti Aziz, Pegawai Daerah Gombak; Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua MPS; YAD Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr.) Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ahli Majlis MPS Zon 6 dan barisan ketua jabatan daerah Gombak.



## LATIHAN MENEMBAK PISTOL, JABATAN PENGUATKUASA DAN KESELAMATAN MPS

**SERATUS** orang anggota penguat kuasa MPS telah berjaya menamatkan latihan menembak yang diadakan di Kelab Menembak Bandar Kajang (KMBK) pada 1 Oktober 2022. Latihan yang diadakan di lapang sasaran KMBK dikendalikan oleh wakil Range Officer (RO) KMBK.



## SESI TOWN HALL MPS BERSAMA WAKIL PENDUDUK DAN BADAN PENGURUSAN STRATA

**SESI** Town Hall MPS bersama Wakil Penduduk dan Badan Pengurusan Strata telah diadakan pada 5 Disember 2022 bertempat di Dewan Beringin, Taman Seri Gombak. Objektif pelaksanaan town hall ini adalah untuk membincangkan isu berkenaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan penglibatan Ahli-ahli Majlis, Majlis Pembangunan Komuniti Kampung

(MPKK), Joint Management Body (JMB), Management Corporation (MC) dan wakil-wakil penduduk setempat serta KDEB Waste Management Sdn. Bhd. Majlis ini turut dibuat bagi menambah baik prosedur sedia ada dan meneliti cadangan-cadangan bagi meningkatkan kualiti dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS, Encik Muhamad Idris bin Mohamed Yusuf, Pengurus Besar KDEBWM Sdn. Bhd., Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Kesihatan MPS dan Tuan Sr. Mohd Asraf bin Mat Yajid, Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MPS.



## SETITIK DARAH SEJUTA HARAPAN

BAGI memastikan bekalan darah sentiasa berada dalam paras selamat, ANULAE cawangan MPS telah menganjurkan Kempen Derma Darah dengan kerjasama Pusat Darah Negara. Penganjuran kempen yang diadakan di Lobi Menara MPS pada 24 November 2022 disertai oleh seramai 107 orang penderma. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama dengan Dr. Afifah binti Haji Hassan, Pengarah Pusat Darah Negara turut berkesempatan meluangkan masa melawat program derma darah ini.



## WANITA TONGGAK ORGANISASI

BUAT julung kalinya, Biro Wanita ANULAE Cawangan MPS dan Biro Wanita Kelab Sukan dan Kebajikan MPS telah menganjurkan sambutan Hari Wanita peringkat MPS pada 23 September 2022 di Dewan Keraian, Menara MPS. Acara yang dirasmikan oleh Yang Dihormati Puan Ainulma binti Ab. Ghani, isteri YDP MPS ini melibatkan semua kakitangan wanita MPS.

Dalam sambutan ini, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyampaikan taklimat bertajuk "Keselamatan Wanita dan Cabaran Masa Kini" menerusi Puan Inspektor Zanariah binti Ismail dari Ibu Pejabat Daerah Gombak. Pelbagai aktiviti turut diadakan seperti pertandingan memasak jemput-jemput, pertandingan pakaian beragam, pertandingan karaoke dan cabutan bertuah.



## "KOLAM" MERIAHKAN SAMBUTAN HARI DEEPAVALI

BAGI memeriahkan sambutan Hari Deepavali, satu "kolam" telah dirasmikan pada 21 Oktober 2022. Acara ini dihadiri oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS bersama-sama Ahli-ahli Majlis MPS dan Pengarah-pengarah Jabatan MPS. Ahli Majlis dan kakitangan MPS berketurunan India telah menyalakan "kuttu vilakku" sebagai simbolik perasmian "kolam" ini.



## DIALOG ISU KETIRISAN PENJAWAT AWAM

SESI dialog Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Ahli Majlis dan Pengurusan Tertinggi MPS telah diadakan pada 17 Oktober 2022 di Dewan Keraian, Menara MPS.

Sesi dialog yang dikendalikan oleh moderator, Encik Muhamad Faiz bin Omar bersama YBrs. PKPj. Tuan Ridzuan bin Ab Malik, Timbalan Pengarah Bahagian Pencegahan SPRM Selangor ini membahaskan isu tentang ketirisan dalam kalangan penjawat awam serta kaedah pencegahannya berdasarkan perundangan. Turut diadakan juga sesi soal jawab bersama YBhg. Dato' Ketua Pesuruhjaya SPRM Negeri Selangor dan Tuan Timbalan Pengarah Bahagian Pencegahan SPRM Negeri Selangor.



## CERAMAH FARAIK DAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

ANULAE Cawangan MPS telah menganjurkan ceramah agama bertajuk "Faraid dan Pembahagian Harta Pusaka" pada 25 November 2022 bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Ceramah telah disampaikan oleh Ustaz Mohammad Salleh bin Abdul Saha, Ketua Bahagian Dakwah & Pemasaran Baitulmal MAIS.

Ceramah ini menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan faraid dan perancangan pewarisan bagi memberikan pengetahuan dan pencerahan dalam merancang harta semasa hidup.



## SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT DAERAH GOMBAK 2022

**SAMBUTAN** Hari Sukan Negara Peringkat Daerah Gombak 2022 telah diadakan pada 8 Oktober 2022 di Dataran Ilmu Bandar Baru Selayang. Acara ini telah dirasmikan oleh Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak. Dalam ucapan perasmian, beliau berkata aktiviti sukan perlu dijadikan budaya supaya rakyat sentiasa dalam keadaan sihat. Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang acara berlangsung antaranya seperti "Fun Run", "Fun Ride", "Push Bike", senamrobik dan cabutan bertuah.



## MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN DAN BENDERA KEPADA PASUKAN ANGKAT SUKMA NEGERI SELANGOR

**BAGI** merayakan atlet menembak dan e-sukan yang akan bertanding dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20, MPS telah mengadakan satu majlis penyerahan sumbangan dan bendera kepada pasukan angkat SUKMA Negeri Selangor pada 8 September 2022 di Lobi Menara MPS.

Majlis yang disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS turut dihadiri oleh wakil Pengarah Majlis Sukan Negeri Selangor, pengurus pasukan menembak dan e-sukan SUKMA Selangor, Ahli-ahli Majlis MPS, Pengarah-pengarah Jabatan MPS dan barisan atlet SUKMA Negeri Selangor. Pada majlis ini, TYDP telah menyerahkan sumbangan wang tunai berjumlah RM5000 berserta bendera kepada pasukan angkat SUKMA Negeri Selangor.

